

09 AUG 2000

Petrol-Harga/I

HARGA PETROL AKAN DINAIKKAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Harga petrol akan dinaikkan tetapi kerajaan belum memutuskan banyak mana ia akan dinaikkan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau juga berkata kenaikan harga petrol akan mengambil kira pelbagai faktor agar tidak membebankan para pengguna.

Kajian mengenai semakan harga-harga petrol sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan, katanya kepada pemberita selepas lawatan oleh Menteri-menteri Kabinet ke Menara Kembar Petronas diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Mereka diberi taklimat mengenai perkembangan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) oleh pengarah urusan KLCC Urusharta Sdn Bhd, Puan Arlida Ariff, serta menghadiri jamuan makan tengah hari. Pengerusi Suria KLCC Tan Sri Azizan Zainul Abidin menjadi tuan rumah pada jamuan itu.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri-menteri lain.

Muhyiddin berkata, pegawai-pegawai Kementerian memberi input dan pandangan kepada sebuah jawatan kuasa yang terbabit dalam kajian mengenai kenaikan harga petrol yang dicadangkan itu.

Menteri itu berkata hasil kajian itu belum lagi diserahkan kepada Kabinet.

"Terdapat kemungkinan (kenaikan harga) tetapi kami belum memutuskan banyak manakah kenaikannya," katanya.

Kerajaan berpendapat bahawa subsidi ke atas petrol adalah besar dan telah melepasi RM5 bilion sejak lapan hingga 10 tahun lepas, lebih-lebih lagi apabila harga-harga petrol tidak dinaikkan.

Antara faktor-faktor yang akan diambil kira sebelum meningkatkan harga petrol ialah kos pengangkutan, inflasi dan kesan-kesan ke atas pemulihan ekonomi yang masih lagi pada peringkat awal.

"Jika terdapat kemungkinan tentang kenaikan, semua faktor akan diambil kira agar tidak membebankan para pengguna dan kerajaan.

"Jika pun harga dinaikkan, ia masih rendah (secara perbandingan) di rantau ini (apabila dibandingkan dengan harga-harga) di Indonesia."

Timbalan ketua pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa Datuk Dr Zainal Aznam Yusof baru-baru ini berkata bahawa harga-harga petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) Malaysia, kecuali Indonesia, adalah yang paling rendah di kalangan negara-negara anggota Asean.

Harga petrol Malaysia adalah 160 peratus lebih murah berbanding di Singapura dan 35 peratus lebih murah berbanding Thailand.

Ditanya sama ada kenaikan harga yang dicadangkan akan melebihi lima peratus seperti yang dilaporkan, katanya: "Saya tidak tahu."

"Kami tidak berhasrat membebankan rakyat dengan kos yang lebih tinggi tetapi pada masa yang sama kerajaan tidak mampu menanggung kos dengan memberi subsidi yang besar untuk selama-lamanya.

Rakyat seharusnya mendapat manfaat memandangkan Malaysia adalah negara pengeluar hasil petroleum, katanya.

Di Semenanjung Malaysia, harga runcit terkawal petrol tanpa plumbum ialah 110 sen seliter, petrol plumbum 106 sen, diesel 65.10 sen dan LPG 118 sen.

Tanpa subsidi, harga petrol tanpa plumbum ialah 155.79 sen seliter, petrol plumbum 151.77 sen, diesel 106.38 sen dan LPG 183.82 sen.

Di Sabah, petrol tanpa plumbum berharga 108 sen, petrol plumbum 106 sen, diesel 65.40 sen dan LPG 126 sen manakala di Sarawak petrol tanpa plumbum ialah 109 sen, petrol plumbum 106 sen, diesel 64.80 sen dan LPG 126 sen.

Dr Aznam daripada ISIS juga telah berkata dalam satu kenyataan Isnin lepas bahawa perubahan pada subsidi petroleum sedang dirancang memandangkan Kementerian Kewangan sedang mengkaji semula subsidi itu.

Semakan itu perlu dilakukan disebabkan kenaikan ketara pada harga petroleum mentah, katanya.

Sejak 1999, harga-harga petroleum telah meningkat kepada AS\$30 (RM114) setong daripada harga serendah AS\$18 setong dua tiga tahun lalu.

Dr Aznam berkata nilai subsidi terhadap produk-produk petroleum telah melambung sejak beberapa tahun kebelakangan.

Subsidi bernilai RM228 juta pada 1997, meningkat kepada RM499.6 juta tahun berikutnya dan jumlah ini adalah tujuh kali lebih daripada subsidi yang diberikan untuk skim pinjaman buku teks (RM70.9 juta) pada 1999.

"Pada tahun 2000, nilai subsidi yang dijangkakan bagi produk-produk petroleum mungkin melebihi RM1 bilion, malah lebih besar daripada subsidi untuk padi," katanya.

-- BERNAMA

MAD/ARA MA PR